

DM 3

MENINGKATKAN PENGURUSAN KUALITI ALAM SEKITAR KAWASAN DESA

DM 3.3: Cadangan Pemantauan Dan Penguatkuasaan Berterusan Aktiviti Berpotensi Mencemar

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Analisis radius dilaksanakan bagi mengenal pasti petempatan kampung yang berpotensi terkesan daripada aktiviti berpotensi mencemar.
- Kampung yang telah dikenal pasti dijangka akan menerima impak awal jika berlakunya kes pencemaran berpunca daripada aktiviti terbabit.
- Pencemaran udara, habuk dan bau busuk adalah antara kesan yang dialami oleh penduduk.

Komponen Cadangan:

- Pemantauan dan penguatkuasaan berkala terhadap premis atau aktiviti yang berpotensi mencemar.
- Jika pemantauan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih awal sebelum impak pencemaran lebih teruk berlaku, mitigasi yang bersesuaian akan dapat diambil.

Kaedah Pelaksanaan:

- Melibatkan kerjasama antara agensi antaranya Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkusa Tempatan (PBT).
- Pengenapstian kawasan berpotensi tercemar akan diberi perhatian bagi melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan berkala untuk mengelakkan pencemaran terdedah ke kawasan petempatan desa khususnya kampung terlibat analisis radius (0.5km - 2km)

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **30 buah kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar/Desa
Batu Pahat	9	8
Kluang	11	2
Mersing	-	-
Jumlah	20	10

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
• Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)	• Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)
• Majlis Perbandaran Kluang (MPK)	• Majlis Perbandaran Kluang (MPK)
• Jabatan Alam Sekitar (JAS)	• Jabatan Alam Sekitar (JAS)

ANGGARAN KOS

- Kos Pengurusan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Aktiviti Berpotensi Tercemar= 10 ribu (setahun/Kg) x 8 tahun

Jumlah Keseluruhan Kos : RM 2,400,000

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik

- Analisis Kawasan Berpotensi Mencemar

Persekutuan alam sekitar yang bersih adalah salah satu faktor penting yang perlu dikekalkan dan dijaga.

Pencemaran alam sekitar seperti pencemaran air mampu menyebabkan masalah kesihatan kepada penduduk, gangguan bekalan air bersih dan merosakkan ekosistem hidupan akuatik. Berikut adalah antara penemuan kes pencemaran yang telah dikenal pasti.

Rekod Pencemaran Air di Batu Pahat

Antara permasalahan yang dikenal pasti:

- Laporan Kualiti Alam Sekitar 2018 merekodkan kualiti air bagi **Sungai Batu Pahat** adalah di bawah kategori Tercemar iaitu WQI 59 (III).
- Sebatang sungai di **Kg. Sg. Buloh, Batu Pahat**, Johor dilaporkan telah tercemar dengan bahan cecair berwarna biru.
- Hasil pemeriksaan mendapati pencemaran air berpunca dari industri pencetakan.
- Pelepasan efluen industri terbabit yang terus ke perparitan berhampiran menyebabkan pencemaran air di Sungai Batu Pahat.
- Hal ini berpotensi menyebabkan masalah kesihatan kepada penduduk dan merosakkan hasil tanaman jika badan air ini terlibat dalam tujuan pengairan tanaman.



Foto: Pelepasan efluen dari sebuah industri aktiviti percetakan di Kampung Sungai Buloh dipercayai menyumbang kepada pencemaran air Sungai Batu Pahat.

*Sumber: Kenyataan Media Kementerian Alam Sekitar Dan Air,
<https://www.doe.gov.my/portalv1>*

Rekod Pencemaran Air di Kluang

Antara permasalahan yang dikenal pasti:

- Laporan Kualiti Alam Sekitar, 2018 merekodkan status Indeks Kualiti Air Sungai di lembangan sungai utama, **Sg. Benut** dan **Sg. Sembrong** dalam kategori Separa Tercemar dengan nilai IKA 71-82.
- Direkodkan kes pencemaran air daripada **sisa ammonia** kolam air larutan resapan kilang memproses kelapa sawit melimpah sekali gus mencemari Sungai Sembrong yang menjadi sumber air utama untuk Empangan Sembrong.
- Loji Rawatan Air (LRA) Sembrong Barat terpaksa menghentikan operasi pemprosesan air mentah dan ia telah menjelaskan bekalan air bersih kepada penduduk sekitar.
- Sebanyak **tujuh (7) buah kampung** yang terletak sejauh 5km radius dari kawasan pencemaran dikenal pasti berpotensi terkesan pencemaran air di Empangan Sembrong.



Foto: Kegagalan kolam larutan resapan kilang pemprosesan sawit yang menyebabkan pencemaran air di Sungai dan Empangan Sembrong.

Sumber: Aktikel Berita Harian, 2017.

Penemuan Strategik

- Analisis Kawasan Berpotensi Mencemar

Berdasarkan data analisis radius aktiviti potensi mencemar, bilangan kampung terlibat analisis radius perlombongan kuari (1km) adalah enam (6) kampung, manakala industri sederhana (250m) adalah 11 kampung dan aktiviti potensi mencemar kilang pemprosesan kelapa sawit melibatkan 13 kampung dengan radius 1km.

Penduduk di petempatan desa adalah antara penerima sensitif yang akan menerima impak secara terus jika berlakunya pencemaran di sesbuah premis atau aktiviti guna tanah.

Pencemaran yang berlaku boleh memberi kesan kepada penduduk yang merangkumi aspek aktiviti sehari-hari, kesihatan, keselamatan harta benda dan kegiatan ekonomi mereka.

Pencemaran udara yang berterusan berpotensi memberi impak jangka masa panjang kepada kesihatan penduduk sekitar.

Justeru, disarankan pemantauan dan penguatkuasaan berterusan secara bekala dilaksanakan bagi memastikan pematuhan premis terhadap piawai kualiti alam sekitar yang telah ditetapkan. Hal ini berupaya untuk mencegah kes berlakunya pencemaran dan mitigasi yang bersesuaian akan dapat diambil lebih awal.


Berikut disenaraikan kampung yang berpotensi menerima kesan daripada aktiviti berpotensi mencemar dalam **Jadual 7.22**.

Jadual 7.22: Senarai Kampung Berpotensi Terkesan Daripada Aktiviti Berpotensi Mencemar

DAERAH	AKTIVITI MENCEMAR	Kg. TERLIBAT KAWASAN BERISIKO/BERPOTENSI		FASA
Batu Pahat	Kawasan Perlombongan Kuari (1km)	1. Kg. Kangkar Senagar 2. Kg. Sg. Ayer Hitam 3. Kg. Parit Pulai	4. Kg. Petani 5. Kg. Batu 4, Jln Minyak Beku 6. Kg. Kamisan	QW (2023 - 2024)
	JUMLAH	6		
	Industri Sederhana (260m)	7. Kg. Dalam 8. Kg. Melayu Pekan Sri Medan 9. Kg. Bukit Sri Wangi	10. Kg. Parit Haji Salleh 11. Kg. Parit Haji Khamis	F1 (2025 - 2027)
		12. Kg. Sengkuang 13. Kg. Asrakal Kelichap	14. Kg. Batu 7 15. Kg. Kelichap 16. Kg. Tanjung Laboh 17. Kg. Koris	F2 (2028- 2030)
	JUMLAH	11		
	JUMLAH KESELURUHAN	17		
Kluang	Kilang Pemprosesan Minyak Kelapa Sawit (1km)	1. Kg. Baru Kahang 2. Kg. Gajah	3. Kg. Sri Tambak	QW (2023 - 2024)
		4. Kg. Haji Jaafar 5. Felda Kahang Timur	6. Felda Ulu Dengar 7. Kg. Melayu	F1 (2025 - 2027)
		8. Kg. Gunong Lambak 9. Kg. Yap Tau Sah 10. Kg. Perumahan Awam Jalan Sawi	11. Kg. Desa Harmoni 12. Kg. Kolam Air 13. Kg. Seri Maju Jaya	F2 (2028- 2030)
		13		
Mersing	-	Tiada Kampung Terlibat Analisis Radius		-
JUMLAH KESELURUHAN		30 kampung		

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Rajah 7.35: Kampung Berpotensi Terkesan daripada Aktiviti Berpotensi Mencemar – Daerah Batu Pahat



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2021


PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Batu Pahat
- Dashed red line: Sempadan Fasa 2 (Johor Tengah)
- Dashed blue line: Sempadan Daerah
- Dash-dot red line: Sempadan Negeri
- Black line: Lebuhraya PLUS
- Yellow line: Rangkaian Jalan Raya
- Black line: Laluan Kereta Api
- Red dot with wavy lines: Radius 260m Industri Sederhana dan Berat
- Yellow dot with wavy lines: Radius 1000m, kawasan perlombongan kuari
- Pink box: Kawasan Industri Sederhana dan Berat
- Yellow box: Kawasan Perlombongan Kuari

KAMPUNG BERPOTENSI TERKESAN DAERAH BATU PAHAT

1. Kg. Kangkar Senagar
2. Kg. Sungai Ayer Hitam
3. Kg. Parit Pulai
4. Kg. Dalam
5. Kg. Melayu Pekan Sri Medan
6. Kg. Bukit Sri Wangi
7. Kg. Parit Haji Salleh
8. Kg. Parit Haji Khamis
9. Kg. Sengkuang
10. Kg. Petani
11. Kg. Batu 4, Jalan Minyak Beku
12. Kg. Asrakal Kelichap
13. Kg. Batu 7
14. Kg. Kelichap
15. Kg. Tanjung Laboh
16. Kg. Koris
17. Kg. Kamisan

Rajah 7.36: Kampung Berpotensi Terkesan daripada Aktiviti Berpotensi Mencemar – Daerah Kluang



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2021


PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Kluang
- Sempadan Fasa 2 (Johor Tengah)
- Sempadan Daerah
- - - Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Kawasan Kilang Kelapa Sawit
- Radius 1000m daripada Kawasan Kilang Kelapa Sawit

KAMPUNG BERPOTENSI TERKESAN

1. Kg. Baru Kahang
2. Kg. Gajah
3. Kg. Sri Tambak
4. Kg. Haji Jaafar
5. Felda Kahang Timur
6. Felda Ulu Dendar
7. Kg. Melayu
8. Kg. Gunong Lambak
9. Kg. Yap Tau Sah
10. Kg. Perumahan Awam Jalan Sawi
11. Kg. Desa Harmoni
12. Kg. Kolam Air
13. Kg. Seri Maju Jaya

Rajah 7.37: Kampung Berpotensi Terkesan daripada Aktiviti Berpotensi Mencemar – Daerah Mersing



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2021

PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Mersing
- Sempadan Fasa 2 (Johor Tengah)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Kawasan Kilang Kelapa Sawit
- Radius 1000m daripada Kawasan Kilang Kelapa Sawit

KAMPUNG BERPOTENSI TERKESAN

Tiada kampung dikenalpasti berpotensi terkesan daripada aktiviti potensi mencemar di Mersing.